

PEMILIHAN BAHASA KOMUNITI CINA DI SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG

*(THE LANGUAGE CHOICES OF THE CHINESE COMMUNITY IN SIMPANG AMPAT,
PENANG)*

Mohd Khaidir ABDUL WAHAB^{*1}
Khor GEK SUAN²

¹Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia.

²Bahagian Bahasa Asing (Bahasa Cina), Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan
(Kampus Kejuruteraan), Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia.

¹mohdkhaidir@usm.my

²pbkhorgeksuan@usm.my

Corresponding author*

Received: 8th December 2024

Accepted: 25th April 2025

ABSTRAK

Kepelbagaian bahasa dalam masyarakat majmuk Malaysia menimbulkan persoalan tentang cara individu dan komuniti membuat pilihan bahasa dalam kehidupan seharian. Dalam konteks negara yang menekankan peranan bahasa kebangsaan sebagai alat perpaduan, wujud keperluan untuk memahami pola pemilihan bahasa yang berlaku dalam kalangan komuniti pelbagai kaum, khususnya dalam domain sosial harian seperti keluarga, kejiwaan dan aktiviti jual beli. Kajian ini meneliti pola pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang dengan tumpuan terhadap tiga domain utama tersebut. Data dikumpul melalui soal selidik dan pemerhatian ikut serta yang melibatkan 200 orang responden daripada komuniti berkenaan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bahasa Mandarin dan dialek warisan seperti Hokkien, Hakka dan Kantonis merupakan bahasa utama dalam domain keluarga. Dalam domain kejiwaan dan aktiviti jual beli, penggunaan bahasa adalah lebih rumit, melibatkan bahasa Mandarin, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, bergantung kepada latar dan konteks interaksi. Bahasa Inggeris dikenal pasti sebagai pilihan utama dalam sektor pekerjaan dan komunikasi global, manakala bahasa Melayu diiktiraf sebagai simbol perpaduan nasional yang mampu merentas sempadan etnik. Sementara itu, bahasa Mandarin berperanan penting dalam mengekalkan identiti budaya serta membangkitkan rasa bangga etnik dalam kalangan komuniti tersebut. Kajian ini memberikan kefahaman yang lebih jelas tentang pengaruh faktor sosial, ekonomi dan budaya terhadap corak pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina sebagai salah satu komuniti pelbagai bahasa di Malaysia.

Kata kunci: Sosiolinguistik; pemilihan bahasa; komuniti Cina; Simpang Ampat; Pulau Pinang

Abstract

The linguistic diversity within Malaysia's multi-ethnic society raises questions about the ways in which individuals and communities make language choices in their daily lives. In a national context that emphasizes the role of the national language as a tool for unity, there is a pressing need to understand the patterns of language choice that emerge among various ethnic communities, particularly within everyday social domains such as the family, neighbourhood, and marketplace interactions. This study examines the language choice patterns among the Chinese community in Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Penang, focusing on these three key domains. Data were collected through surveys and participant observation, involving 200 respondents from the community. Findings indicate that Mandarin and heritage dialects such as Hokkien, Hakka, and Cantonese are predominantly used within the family domain. In neighbourhood and transactional interactions, language use is more varied, involving Mandarin, Malay, and English, depending on the context and nature of the interaction. English is identified as the preferred language in employment and global communication, while Malay is recognised as a symbol of national unity capable of bridging ethnic divides. Mandarin, on the other hand, plays a significant role in maintaining cultural identity and fostering a sense of ethnic pride among the community. This study provides clearer insights into the influence of social, economic, and cultural factors on language choice patterns within the Chinese community, one of Malaysia's linguistically diverse groups.

Keywords: sociolinguistics; language choice; Chinese community; Simpang Ampat; Penang

Pengenalan

Kajian mengenai pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti pelbagai bahasa semakin menjadi tumpuan dalam bidang sosiolinguistik, terutamanya dalam masyarakat yang kompleks seperti Malaysia. Fishman (1967) menegaskan bahawa pilihan bahasa berkait rapat dengan fungsi sosial bahasa dalam domain tertentu yang mencerminkan hubungan antara bahasa, identiti, dan budaya. Dalam konteks komuniti Cina di Malaysia, fenomena ini lebih kompleks kerana kewujudan pelbagai dialek seperti Hokkien, Hakka dan Kantonis, selain bahasa Mandarin sebagai lingua franca, serta keperluan menguasai bahasa Melayu dan Inggeris untuk memenuhi tuntutan ekonomi dan sosial.

Kajian tentang pemilihan bahasa juga menekankan cara bahasa digunakan sebagai alat untuk mengurus identiti sosial dan memenuhi keperluan interaksi dalam konteks pelbagai bahasa (Norfaizal Jamain et al., 2023). Menurut Holmes (2013), pemilihan bahasa adalah refleksi langsung terhadap fungsi simbolik dan instrumental sesuatu bahasa dalam masyarakat. Fungsi simbolik berkaitan dengan peranan bahasa dalam membina identiti etnik atau kebangsaan, manakala fungsi instrumental merujuk kepada kegunaan bahasa dalam memenuhi keperluan praktikal seperti akses kepada peluang pekerjaan atau pendidikan. Dalam masyarakat pelbagai kaum, pemilihan bahasa tidak sekadar menjadi pilihan individu, tetapi sering kali mencerminkan tekanan budaya, ekonomi, dan politik yang lebih luas. Gumperz (1982) turut menekankan bahawa pemilihan bahasa adalah manifestasi kod sosiolinguistik yang digunakan oleh individu untuk mengisytiharkan keanggotaan mereka dalam kumpulan tertentu, atau untuk menunjukkan solidariti dan hierarki sosial dalam sesuatu komuniti. Faktor ini menjadi lebih signifikan dalam komuniti pelbagai bahasa, iaitu bahasa yang dipilih bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai tanda penghormatan, status, atau hubungan sosial. Sebagai contoh, penggunaan bahasa Inggeris mungkin dikaitkan dengan prestij dan mobiliti sosial, manakala bahasa ibunda atau dialek tempatan sering mencerminkan kebanggaan budaya dan identiti etnik.

Kepelbagaian kaum dan bahasa di Malaysia merupakan gambaran yang unik mengenai bagaimana bahasa dan pilihan bahasa digunakan dalam interaksi sosial, identiti budaya, serta struktur sosial (Amirul Mukminin et al., 2023). Dalam masyarakat Cina di Malaysia, pemilihan bahasa bukan sahaja bahasa Mandarin, tetapi juga dialek-dialek tempatan seperti Hokkien, Hakka, dan Kantonis, di samping keperluan menguasai bahasa Melayu dan Inggeris untuk tujuan sosial dan ekonomi. Pemilihan bahasa tidak hanya berkaitan dengan keperluan komunikasi, tetapi juga melibatkan faktor prestij, identiti etnik, dan hubungan sosial. Contohnya, penggunaan bahasa Inggeris sering dikaitkan dengan status sosial dan peluang pekerjaan, manakala penggunaan bahasa ibunda atau dialek tempatan mencerminkan identiti budaya yang kuat dalam kalangan komuniti. Oleh itu, kajian mengenai pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina di Simpang Ampat, Pulau Pinang adalah penting untuk memahami bagaimana faktor sosial, budaya, dan ekonomi mempengaruhi pilihan bahasa dalam kehidupan seharian mereka.

Latar Belakang Kajian

Migrasi besar-besaran masyarakat Cina dari tanah besar China ke Pulau Pinang sejak akhir abad ke-18 telah membawa kepada pembentukan komuniti Cina yang signifikan, bukan sahaja dari segi jumlah populasi, tetapi juga dari aspek peranan sosial dan ekonomi dalam landskap masyarakat negeri tersebut. Fenomena ini mula berkembang apabila Francis Light menjejakkan kaki di Pulau Pinang pada tahun 1787 dan diiringi oleh Koh Lay Huan, iaitu seorang tokoh berpengaruh yang kemudiannya dilantik sebagai Kapitan Cina pertama. Koh Lay Huan bertanggungjawab membawa masuk lebih ramai migran dari wilayah selatan China ke Pulau Pinang melalui pelbagai saluran, termasuk jaringan perdagangan dan perantaraan etnik (Purcell, 1960; Tan, 2007; Teioh Hui Shin & Aiza Maslan, 2022).

Kemasukan masyarakat Cina ke Pulau Pinang dapat dibahagikan kepada tiga kelompok utama, iaitu masing-masing dengan latar sosioekonomi dan identiti budaya yang tersendiri. Pertama, golongan *Laokheh*, iaitu pendatang awal yang mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang perdagangan dan pertukangan. Kedua, golongan *Baba Nyonya* atau *Straits Chinese*, iaitu generasi kelahiran tempatan yang menjalani proses asimilasi budaya dengan masyarakat Melayu, namun masih mengekalkan warisan bahasa dan budaya Cina. Ketiga, golongan *Sinkheh*, iaitu pendatang baru dari wilayah Guangdong dan Fujian yang dibawa masuk melalui sistem kontrak atau buruh indentur (Cai, 2002; Ooi, 2015). Perbezaan antara kelompok ini menyumbang kepada kepelbagaian dalam struktur sosial serta amalan linguistik dalam kalangan komuniti Cina di Pulau Pinang.

Pertumbuhan komuniti ini turut membawa kepada kepelbagaian sub-etnik seperti Hokkien, Kantonis, Hakka dan Teochew yang mengekalkan bahasa dan adat budaya tersendiri. Hasilnya, wujud sebuah masyarakat yang bersifat multilingual, iaitu pemilihan bahasa tidak hanya bersifat fungsional, tetapi juga menjadi cerminan identiti, solidariti etnik, serta bentuk penyesuaian terhadap persekitaran sosial yang lebih luas. Kajian ini bertujuan untuk meneroka secara lebih mendalam bagaimana komuniti Cina di kawasan Simpang Ampat, Pulau Pinang memilih bahasa dalam pelbagai domain kehidupan seharian. Kajian ini juga berhasrat untuk memahami corak penggunaan bahasa dalam masyarakat berbilang bahasa dan budaya, khususnya dalam konteks hubungan antara identiti etnik, stratifikasi sosial, dan kedudukan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat minoriti.

Permasalahan Kajian

Pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti pelbagai bahasa sering kali dipengaruhi oleh faktor sosial, ekonomi, dan politik yang lebih luas. Dalam konteks Malaysia, khususnya dalam kalangan komuniti Cina di Pulau Pinang, fenomena pemilihan bahasa ini menunjukkan keunikan yang perlu diberi perhatian. Mengikut Gumperz (1982), pemilihan bahasa bukan sahaja berkait dengan fungsi komunikasi, tetapi juga mencerminkan status sosial dan solidariti etnik dalam kalangan individu. Oleh itu, bahasa yang dipilih oleh komuniti Cina di Simpang Ampat bukan hanya berperanan sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai simbol status, identiti etnik, dan hubungan sosial yang lebih kompleks. Oleh itu, salah satu permasalahan utama dalam kajian ini adalah untuk memahami bagaimana faktor-faktor ini mempengaruhi pilihan bahasa dalam konteks sosial yang berbilang budaya dan bahasa di Pulau Pinang.

Salah satu persoalan utama yang timbul adalah bagaimana komuniti Cina di Pulau Pinang, khususnya di Simpang Ampat memilih bahasa dalam pelbagai domain kehidupan mereka terutamanya dalam interaksi sosial yang berlaku dalam domain keluarga, keijiranan, dan jual beli. Menurut Fishman (1967), pilihan bahasa adalah refleksi kepada fungsi sosial bahasa dalam sesuatu domain, iaitu tidak hanya mencerminkan identiti individu, tetapi juga keadaan sosioekonomi dan politik yang berlaku dalam masyarakat tersebut. Dalam kajian ini, terdapat persoalan sama ada bahasa Mandarin yang merupakan bahasa pengantar rasmi dalam komuniti Cina di Malaysia masih menjadi pilihan utama atau adakah bahasa-bahasa tempatan seperti Hokkien, Hakka, atau Kantonis semakin mendapat tempat dalam kalangan komuniti ini yang lebih terdedah kepada pengaruh globalisasi dan pendidikan berbahasa Inggeris. Tambahan pula, kajian oleh Holmes (2013) menunjukkan bahawa pilihan bahasa bukan sahaja dipengaruhi oleh fungsi praktikal bahasa, tetapi juga oleh faktor kuasa sosial dan budaya. Dalam masyarakat pelbagai bahasa seperti yang berlaku di Pulau Pinang, individu sering kali perlu membuat keputusan strategik mengenai bahasa yang digunakan untuk tujuan tertentu, sama ada untuk mengekalkan identiti etnik mereka atau untuk berinteraksi dengan lebih efektif dalam konteks yang lebih luas. Oleh itu, penting untuk mengkaji sama ada komuniti Cina di Simpang Ampat memilih bahasa mereka berdasarkan kesesuaian dengan konteks sosial atau kerana keperluan untuk beradaptasi dengan perubahan sosial dan ekonomi yang berlaku di peringkat nasional dan global. Kajian ini turut relevan dengan pandangan Wardhaugh (2010) yang menegaskan bahawa pemilihan bahasa berhubung rapat dengan isu status sosial dan solidariti dalam komuniti. Pemilihan bahasa boleh menjadi satu alat untuk memperkukuhkan identiti kelompok atau sebaliknya, ia juga boleh menjadi

cara untuk mengekalkan hubungan sosial dengan kelompok etnik yang lebih luas. Oleh hal yang demikian, permasalahan utama dalam kajian ini adalah untuk mengkaji bagaimana pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina di Simpang Ampat, Pulau Pinang dipengaruhi oleh pelbagai faktor sosial dan budaya. Kajian ini turut meninjau bagaimana globalisasi, pendidikan, dan integrasi sosial mempengaruhi peranan bahasa dalam interaksi seharian mereka.

Sorotan Literatur

Kajian mengenai pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina di Malaysia melibatkan beberapa faktor sosial, budaya, dan ekonomi yang perlu dipertimbangkan. Kajian lepas memberikan konteks penting dalam memahami bagaimana bahasa dipilih dalam situasi berbeza. Sorotan literatur ini merangkumi perspektif sarjana barat dan tempatan yang membincangkan pemilihan bahasa berdasarkan identiti, status sosial, dan perubahan dalam masyarakat global. Dari perspektif Barat, pilihan bahasa dalam kalangan komuniti pelbagai etnik telah dihuraikan secara mendalam oleh sejumlah sarjana yang mengaitkannya dengan identiti, kuasa, dan status sosial. Fishman (1972) menekankan bahawa pemilihan bahasa dalam sesuatu domain sosial seperti keluarga, agama, dan pekerjaan sangat dipengaruhi oleh siapa penutur, kepada siapa mereka bertutur dan dalam konteks apa pertuturan itu berlaku. Gumperz (1982) pula dalam *Discourse Strategies* menyatakan bahawa pilihan bahasa bukan hanya soal teknikal komunikasi, tetapi mencerminkan sempadan sosial dan budaya antara kumpulan etnik. Dalam karya *Language and Power*, Fairclough (1989) menegaskan bahawa bahasa yang berprestij sering kali dikaitkan dengan dominasi kuasa dan akses kepada institusi sosial yang berpengaruh, justeru pemilihan bahasa mencerminkan kedudukan ideologi dalam struktur masyarakat. Bourdieuan (1991) juga memberi sumbangan penting menerusi *Language and Symbolic Power* yang memperkenalkan konsep *linguistic capital*, iaitu kebolehan bahasa tertentu untuk membawa ganjaran simbolik dan material dalam struktur sosial. Beliau menjelaskan bagaimana bahasa-bahasa tertentu seperti Inggeris atau Mandarin memperoleh nilai lebih tinggi kerana dikaitkan dengan mobiliti sosial, pendidikan, dan pekerjaan. Dalam konteks yang lebih kontemporari, Garcia & Wei (2014) membincangkan cara pemilihan bahasa dalam masyarakat bilingual bukan semata-mata bersifat tetap, tetapi berubah mengikut keperluan konteks dan peranan sosial penutur. Kesemua pandangan ini menunjukkan bahawa pemilihan bahasa adalah suatu tindakan sosial yang kompleks dan sarat dengan makna identiti, kuasa, dan aspirasi individu dalam masyarakat yang majmuk.

Hoh Sook Kuan (2011) dalam kajiannya mengenai sikap dan pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina di Subang Jaya mendapati bahawa masyarakat Cina lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Mandarin dalam domain kekeluargaan, pekerjaan, persahabatan, dan keijiran. Kajian ini mencerminkan fenomena globalisasi, iaitu bahasa Inggeris menjadi bahasa yang diutamakan dalam sektor pendidikan dan pekerjaan, sekaligus menunjukkan perubahan sikap terhadap bahasa ibunda (Hoh, 2011). Dapatan ini sesuai dengan kajian oleh Fishman (2001) yang mengemukakan bahawa bahasa global seperti bahasa Inggeris sering dipilih dalam konteks ekonomi dan pekerjaan, sementara bahasa tradisional atau ibunda mungkin berkurang penggunaannya dalam kalangan generasi muda yang lebih berpendidikan.

Kajian Kong (1999) mengenai pemilihan bahasa dalam kalangan peniaga Cina di Kampung Sungai Durim, Sibul, Sarawak menggariskan bahawa bahasa Mandarin masih digunakan secara dominan dalam interaksi antara peniaga dan pelanggan kerana bahasa ini berfungsi sebagai simbol identiti etnik. Dalam konteks ini, bahasa Mandarin bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai penanda budaya dan identiti komuniti Cina di Malaysia. Perspektif ini seiring dengan pandangan Gumperz (1982) yang menekankan bahawa bahasa berperanan sebagai penanda identiti sosial dan pemilihan bahasa dalam interaksi sosial melibatkan lebih daripada sekadar pertimbangan komunikasi praktikal. Penggunaan bahasa Mandarin dalam kalangan peniaga Cina menunjukkan bagaimana bahasa boleh berfungsi sebagai cara untuk mengekalkan budaya dan status sosial dalam komuniti etnik. Sharin Selva (2005) dalam kajiannya mengenai hubungan antara bahasa dan tiga kaum

utama di Malaysia menunjukkan bahawa faktor umur memberi kesan besar kepada pemilihan bahasa. Golongan yang lebih muda lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris, sementara golongan yang lebih tua lebih mengekalkan penggunaan bahasa ibunda mereka. Penemuan ini seiring dengan kajian oleh Holmes (2013) yang menyatakan bahawa pemilihan bahasa tidak hanya dipengaruhi oleh faktor komunikasi praktikal, tetapi juga oleh faktor sosial seperti umur dan status. Holmes menambah bahawa bahasa bukan sahaja alat komunikasi, tetapi sebagai simbol identiti yang membolehkan penutur menunjukkan keanggotaan mereka dalam satu kumpulan sosial atau budaya tertentu.

Kajian Mohammed Azlan Mis & Nur Syafiqah Muhammad Situl (2022) mengenai pemilihan bahasa dalam kalangan kakitangan kerajaan di Putrajaya menunjukkan bahawa bahasa Melayu dan bahasa Inggeris menjadi bahasa utama dalam komunikasi rasmi. Kajian ini mendapati bahawa penggunaan bahasa Melayu lebih dominan dalam kalangan kakitangan Melayu, sementara penggunaan campuran bahasa Melayu dan Inggeris lebih biasa dalam komunikasi dengan pelanggan Cina dan India. Kajian ini mencerminkan trend penggunaan bahasa dalam konteks profesional, iaitu bahasa rasmi dan bahasa global seperti Inggeris sering digunakan untuk memastikan komunikasi yang berkesan dalam sektor awam seperti yang dijelaskan oleh Bourdieu (1991) dalam teori modal bahasa, iaitu bahasa adalah sumber kuasa sosial dan ekonomi. Selain kajian-kajian tempatan, kajian sarjana barat turut memberi perspektif penting mengenai pemilihan bahasa. Sebagai contoh, Labov (1972) dalam kajiannya mengenai variasi bahasa menyatakan bahawa pemilihan bahasa sering dipengaruhi oleh faktor sosial seperti kelas sosial dan status ekonomi. Pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina di Malaysia juga dapat dilihat melalui lensa Labov, iaitu bahasa Mandarin digunakan dalam kalangan golongan yang lebih berstatus sosial tinggi untuk mengekalkan identiti etnik mereka, sementara bahasa Inggeris semakin diterima dalam domain sosial yang lebih luas sebagai bahasa prestij.

Pennycook (2010) pula membincangkan mengenai globalisasi bahasa dan peranan bahasa Inggeris dalam masyarakat moden. Menurut Pennycook, bahasa Inggeris telah menjadi bahasa yang dominan dalam banyak aspek kehidupan termasuklah dalam pendidikan, pekerjaan, dan komunikasi antarabangsa. Pandangan ini relevan dalam konteks kajian ini, iaitu penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan komuniti Cina di Malaysia bukan hanya kerana keperluan pendidikan, tetapi juga kerana keperluan untuk bersaing dalam pasaran kerja global. Berdasarkan sorotan kajian lepas ini, kajian ini akan meneliti pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang, khususnya dalam domain keluarga, kejiwaan, dan aktiviti jual beli. Kajian ini akan mengkaji bagaimana faktor sosial, ekonomi, dan identiti etnik mempengaruhi pilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina dan bagaimana bahasa digunakan untuk mengekalkan hubungan sosial serta identiti budaya dalam masyarakat yang semakin global ini.

Kerangka Teori

Kajian ini mengaplikasikan konsep domain yang digagaskan oleh Fishman (1972) dalam menganalisis pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang, khususnya dalam domain keluarga, kejiwaan, dan jual beli. Konsep domain merujuk kepada konteks penggunaan bahasa dalam interaksi sosial yang dipengaruhi oleh faktor seperti topik, interlocutor (penutur), dan tempat. Konsep ini memberikan kerangka kerja yang kukuh untuk memahami bagaimana dan mengapa komuniti memilih bahasa tertentu dalam situasi sosial yang berbeza, mengikut keperluan komunikasi mereka.

Fishman (1972) menyatakan bahawa topik perbualan memainkan peranan penting dalam menentukan bahasa yang digunakan. Dalam konteks kajian ini, topik perbualan dalam domain keluarga, kejiwaan, dan jual beli melibatkan perbincangan mengenai urusan peribadi, sosial, atau ekonomi, iaitu pemilihan bahasa dapat berubah berdasarkan jenis perbincangan tersebut. Sebagai contoh, dalam perbualan keluarga, mungkin bahasa ibunda (seperti bahasa Mandarin atau bahasa Hokkien) digunakan untuk menunjukkan kedekatan dan identiti etnik, sementara dalam perbualan

perniagaan atau jual beli, bahasa yang lebih formal seperti bahasa Melayu atau bahasa Inggeris mungkin dipilih untuk tujuan komunikasi yang lebih efektif dan profesional. Hal ini seiring dengan pandangan Labov (1972) yang menegaskan bahawa pemilihan bahasa sering kali dipengaruhi oleh ciri-ciri sosial dan konteks tertentu, termasuk topik yang dibincangkan.

Faktor kedua dalam konsep domain adalah interlocutor atau individu yang terlibat dalam interaksi. Setiap individu atau kumpulan sosial dalam kajian ini mungkin memiliki keutamaan bahasa berbeza bergantung kepada latar belakang budaya, pendidikan, atau kedudukan sosial mereka. Sebagai contoh, komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara mungkin memilih untuk menggunakan bahasa yang lebih formal dan prestij (seperti bahasa Inggeris atau bahasa Mandarin) apabila berinteraksi dengan individu yang lebih muda atau mempunyai status sosial lebih tinggi, sementara bahasa yang lebih santai seperti bahasa ibunda (contohnya, bahasa Hokkien) mungkin digunakan dalam kalangan keluarga dan rakan-rakan sebaya. Konsep ini juga menyentuh teori hubungan kuasa yang dikemukakan oleh Bourdieu (1991), yang menyatakan bahawa penggunaan bahasa bukan sahaja bergantung pada keperluan komunikasi, tetapi juga mencerminkan struktur kuasa sosial di mana penutur berada.

Tempat, atau lokasi komunikasi, adalah faktor ketiga dalam model domain Fishman yang penting dalam kajian ini. Lokasi interaksi, sama ada di rumah (domain keluarga), di tempat awam (domain kejiwaan), atau di pasar (domain jual beli), mempengaruhi pilihan bahasa yang digunakan. Dalam domain keluarga, bahasa yang lebih informal dan berasaskan kepada tradisi etnik lebih cenderung digunakan, manakala dalam domain kejiwaan atau jual beli, penggunaan bahasa yang lebih praktikal dan fungsional seperti bahasa Melayu atau Inggeris mungkin lebih dominan. Dalam kajian ini, penekanan akan diberikan kepada variasi rendah (*low variety*) dalam bahasa yang digunakan dalam konteks-konteks tersebut untuk melihat jika ada perubahan dalam pilihan bahasa mengikut tempat dan situasi. Penggunaan variasi rendah ini dapat menunjukkan kecenderungan komuniti untuk mengekalkan bahasa ibunda mereka dalam situasi santai dan lebih peribadi, sementara beralih kepada bahasa yang lebih "global" dalam situasi formal.

Secara keseluruhannya, kerangka teori ini membolehkan pengkaji menilai faktor-faktor sosial, budaya, dan ekonomi mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, serta bagaimana bahasa digunakan untuk mengekalkan hubungan sosial, identiti etnik, dan status dalam konteks kehidupan sehari-hari mereka. Dengan merujuk kepada teori domain Fishman (1972), kajian ini berusaha untuk memahami bagaimana pemilihan bahasa dalam domain keluarga, kejiwaan, dan jual beli berbeza mengikut keperluan komunikasi, interaksi sosial, dan lokasi geografi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian tinjauan dengan gabungan kaedah soal selidik dan pemerhatian ikut serta (*participant observation*) bagi mendapatkan data yang menyeluruh. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti pola pemilihan bahasa secara kuantitatif melalui soal selidik serta memberikan maklumat kualitatif berkaitan konteks penggunaan bahasa dalam situasi sebenar melalui pemerhatian. Sebanyak 200 borang soal selidik diedarkan secara bersemuka kepada responden yang terdiri daripada komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang. Pemilihan 200 orang responden dalam kajian ini adalah berdasarkan keperluan untuk mendapatkan data yang mencukupi dan mewakili komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang. Saiz sampel ini sejajar dengan panduan Krejcie dan Morgan (1970) yang mencadangkan jumlah tersebut mencukupi bagi populasi sederhana dengan tahap keyakinan 95% dan margin ralat 5%. Jumlah ini memastikan kepelbagaian responden dari segi umur, jantina, tahap pendidikan, dan pekerjaan dapat diambil kira, yang penting untuk memahami faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam domain keluarga, kejiwaan, dan jual beli. Selain itu, saiz ini sesuai untuk analisis statistik deskriptif seperti kekerapan dan peratusan, sambil memastikan data dapat dikumpul dan dianalisis dengan

cekap. Situasi ini juga mengambil kira aspek logistik seperti masa, kos, dan tenaga kerja, menjadikan jumlah ini praktikal dan relevan untuk kajian ini.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi sebanyak 27 soalan yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian A merangkumi lima soalan yang bertumpu kepada maklumat demografi responden seperti umur, jantina, tahap pendidikan, pekerjaan dan bahasa ibunda. Bahagian B pula mengandungi 18 soalan yang meneliti pemilihan bahasa dalam tiga domain utama, iaitu keluarga, kejiwaan, dan jual beli. Bahagian C pula terdiri daripada empat soalan yang meneliti pandangan responden terhadap bahasa yang dianggap berprestij, melambangkan identiti bangsa, memberikan rasa bangga, serta paling membantu dalam bidang pekerjaan. Soalan-soalan dalam Bahagian B dan C menggunakan skala Likert lima mata bagi menilai kekerapan atau tahap persetujuan terhadap pernyataan tertentu.

Selain soal selidik, pemerhatian ikut serta dijalankan bagi memperoleh maklumat kontekstual berkaitan penggunaan bahasa dalam situasi sebenar. Pemerhatian dilakukan di tiga domain yang sama seperti dalam soal selidik. Dalam domain keluarga, pemerhatian tertumpu kepada interaksi harian di rumah; dalam domain kejiwaan, ia melibatkan perbualan di kawasan kejiwaan seperti kedai kopi atau kawasan perumahan; manakala dalam domain jual beli, pemerhatian dilaksanakan di pasar dan kedai untuk memahami pola penggunaan bahasa dalam urusan perniagaan. Maklumat yang diperoleh daripada pemerhatian direkodkan dalam bentuk nota lapangan (*field notes*) untuk dianalisis secara tematik.

Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif, terutamanya kekerapan (*frequency*) dan peratusan (*percentage*), menggunakan perisian SPSS. Analisis ini bertujuan mengenal pasti corak pemilihan bahasa dalam setiap domain dan melihat hubungannya dengan ciri demografi responden. Data daripada pemerhatian ikut serta pula dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti tema utama dalam penggunaan bahasa yang berlaku secara spontan. Triangulasi data dilakukan untuk memastikan kesahihan dapatan, iaitu hasil pemerhatian digunakan bagi menyokong atau memperincikan dapatan soal selidik. Pendekatan gabungan ini selaras dengan pandangan Creswell (2014) yang menekankan kelebihan penggunaan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam kajian sosiolinguistik untuk memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh dan mendalam. Lokasi kajian ini ialah di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang. Bandar Tasek Mutiara atau dikenali sebagai Pearl City ialah sebuah bandar baru yang terletak di Simpang, Ampat, Pulau Pinang.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan menghuraikan data deskriptif, iaitu demografi responden, analisis berkaitan tiga domain terpilih dan sikap bahasa responden kajian di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang.

Ciri-Ciri Demografi

Kajian ini melibatkan 200 orang responden dengan taburan mengikut jantina, umur, keturunan, aliran pendidikan, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, dan pendapatan. Berdasarkan analisis, responden lelaki terdiri daripada 112 orang (56.0%), manakala selebihnya adalah perempuan seramai 88 orang (44.0%). Dari segi umur, responden berumur antara 16 hingga 25 tahun adalah seramai 22 orang (11.0%), diikuti 68 orang (34.0%) dalam lingkungan umur 26 hingga 30 tahun. Responden berumur antara 31 hingga 40 tahun adalah 38 orang (19.0%), manakala yang berumur 40 hingga 50 tahun seramai 40 orang (20.0%). Selebihnya, 32 orang (16.0%) berada dalam lingkungan umur 50 hingga 60 tahun.

Bagi keturunan, responden Hokkien merupakan kumpulan majoriti dengan jumlah 171 orang (85.5%), diikuti oleh 15 orang (7.5%) berketurunan Kantonis, 8 orang (4.0%) Hakka, dan 6 orang (3.0%) Teochew. Kesemua responden mempunyai latar belakang pendidikan dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SKJC), dengan tahap pendidikan yang berbeza-beza. Responden dengan kelayakan SPM adalah 30 orang (15.0%), diploma seramai 45 orang (22.5%), ijazah sarjana muda seramai 115 orang (57.5%), dan ijazah sarjana seramai 10 orang (5.0%). Tahap pendidikan tertinggi dalam kalangan responden adalah Ijazah Sarjana Muda, manakala Ijazah Sarjana menunjukkan jumlah terendah. Dari segi pekerjaan, majoriti responden bekerja dalam sektor swasta iaitu seramai 98 orang (49.0%). Responden yang bekerja dalam sektor awam pula adalah seramai 79 orang (39.5%), manakala 19 orang (9.5%) bekerja sendiri. Terdapat 2 orang (1.0%) masing-masing bekerja dalam badan berkanun dan tidak bekerja. Berdasarkan analisis pendapatan, responden berpendapatan RM 2000 ke bawah adalah seramai 6 orang (3.0%). Responden dengan pendapatan antara RM 2001 hingga RM 4000 adalah 49 orang (24.5%), sementara majoriti, iaitu 136 orang (68.0%), mempunyai pendapatan antara RM 4001 hingga RM 6000. Responden dengan pendapatan RM 6000 ke atas adalah 9 orang (4.5%). Maklumat demografi lengkap dipaparkan dalam Jadual 2, iaitu:

Jadual 2: Taburan Demografi Responden

Demografi	Kategori	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	112	56.0
	Perempuan	88	44.0
Umur	16–25 tahun	22	11.0
	26–30 tahun	68	34.0
	31–40 tahun	38	19.0
	40–50 tahun	40	20.0
	50–60 tahun	32	16.0
Keturunan	Kantonis	15	7.5
	Hokkien	171	85.5
	Hakka	8	4.0
	Teochew	6	3.0
Aliran Pendidikan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina		200	100.0
Tahap Pendidikan	SPM	30	15.0
	Diploma	45	22.5
	Ijazah Sarjana Muda	115	57.5
	Ijazah Sarjana	10	5.0
Pekerjaan	Sendiri	19	9.5
	Sektor Awam	79	39.5
	Badan Berkanun	2	1.0
	Swasta	98	49.0
	Tidak Bekerja	2	1.0
Pendapatan	RM 2000 ke bawah	6	3.0
	RM 2001–RM 4000	49	24.5
	RM 4001–RM 6000	136	68.0
	RM 6000 ke atas	9	4.5

Pemilihan Bahasa Berdasarkan Domain Keluarga

Domain keluarga merujuk kepada lingkungan, iaitu interaksi dan komunikasi berlaku di dalam sesebuah keluarga. Domain ini melibatkan percakapan, pertukaran maklumat, dan komunikasi yang berlangsung di antara ahli keluarga, sama ada dalam aktiviti harian, perbualan santai, atau perbincangan yang berkaitan dengan isu-isu keluarga. Domain keluarga juga merangkumi penggunaan bahasa yang biasa dalam kalangan ahli keluarga dalam konteks rumah atau lingkungan kekeluargaan.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh bagi pemilihan bahasa untuk berkomunikasi dengan ibu, 175 orang (87.5%) responden memilih bahasa Mandarin, 2 orang (1.0%) memilih bahasa Inggeris, dan 23 orang (11.5%) memilih dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis). Berdasarkan dapatan yang dikemukakan majoriti responden di kawasan kajian menggunakan bahasa Mandarin untuk berbual dengan ibu mereka. Bagi bahasa untuk berkomunikasi dengan bapa pula, 177 orang (88.5%) responden memilih bahasa Mandarin, 4 orang (2.0%) memilih bahasa Inggeris, dan 19 orang (9.5%) memilih dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis). Berdasarkan dapatan yang dikemukakan majoriti responden di kawasan kajian menggunakan bahasa Mandarin untuk berbual dengan bapa mereka. Jadual 3 menunjukkan dapatan bagi pemilihan bahasa masyarakat Cina di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang dalam domain keluarga.

Jadual 3: Pemilihan Bahasa dalam Domain Keluarga

Pemilihan bahasa dalam domain keluarga	Bilangan	Peratus
Bahasa percakapan dengan ibu.		
Bahasa Mandarin	175	87.5
Bahasa Inggeris	2	1.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	23	11.5
Bahasa percakapan dengan bapa.		
Bahasa Mandarin	177	88.5
Bahasa Inggeris	4	2.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	19	9.5
Bahasa percakapan dengan suami/isteri.		
Bahasa Mandarin		
Bahasa Inggeris	97	48.5
Bahasa Melayu	4	2.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	8	4.0
	91	45.5
Bahasa percakapan dengan adik-beradik.		
Bahasa Mandarin	144	72.0
Bahasa Inggeris	2	1.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	54	27.0
Bahasa percakapan dengan sanak saudara.		
Bahasa Mandarin	162	81.0
Bahasa Inggeris	2	1.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	36	18.0

Bagi bahasa yang digunakan semasa berbual dengan suami/isteri, responden yang memilih bahasa Mandarin adalah seramai 97 orang (48.5%), diikuti dengan dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) seramai 91 orang (45.5%). Terdapat 8 orang (4.0%) responden yang menggunakan bahasa Melayu ketika berbual dengan pasangan dan selebihnya, iaitu 4 orang (2.0%) menggunakan bahasa Inggeris dalam perbualan mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden menggunakan bahasa Mandarin dalam perbualan dengan pasangan masing-masing. Pemilihan bahasa ketika berbual dengan adik-beradik pula menunjukkan 144 orang (72.0%) responden memilih bahasa Mandarin, diikuti dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis), iaitu 54 orang (27.0%), dan bahasa Inggeris seramai 2 orang (1.0%).

Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden berbual menggunakan bahasa Mandarin dengan adik-beradik.

Dalam konteks perbualan bersama sanak saudara pula, komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat turut memilih bahasa Mandarin sebagai bahasa utama dalam perbualan mereka, iaitu seramai 162 orang (81.0%), diikuti dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) seramai 36 orang (18.0%), dan bahasa Inggeris hanya 2 orang (1.0%). Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden menggunakan bahasa Mandarin dalam perbualan bersama sanak saudara ketika berkumpul bersama-sama.

Analisis tematik bagi pemilihan bahasa dalam domain keluarga dalam kalangan komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang memperlihatkan beberapa tema utama yang menggambarkan dinamik bahasa dalam konteks sosial dan budaya keluarga. Berdasarkan data yang diperoleh melalui soal selidik dan pemerhatian, analisis tematik ini menumpukan pada tema utama seperti penggunaan bahasa sebagai simbol keakraban dan ikatan kekeluargaan, pengaruh generasi terhadap pilihan bahasa, dan peranan bahasa dalam konteks sosial yang lebih luas, iaitu:

Bahasa sebagai Simbol Keakraban dan Ikatan Kekeluargaan

Bahasa Mandarin mendominasi penggunaan dalam kebanyakan interaksi dalam keluarga. Dapatan menunjukkan bahawa 87.5% responden menggunakan bahasa Mandarin ketika berkomunikasi dengan ibu, dan 88.5% dengan bapa, menunjukkan bahawa bahasa ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai simbol keakraban dalam keluarga. Mandarin dilihat sebagai bahasa utama yang menyatukan ahli keluarga, terutamanya dalam komunikasi harian, yang menunjukkan betapa pentingnya bahasa ini dalam menjaga hubungan kekeluargaan dalam komuniti Cina. Pemilihan bahasa ini adalah lebih daripada sekadar pilihan linguistik dan mencerminkan tradisi budaya dan nilai-nilai keluarga yang diteruskan dari generasi ke generasi. Dalam konteks ini, penggunaan bahasa Mandarin berfungsi sebagai penyatuan budaya yang membolehkan ibu bapa dan anak-anak berinteraksi dengan mudah, tanpa sebarang halangan bahasa. Oleh itu, penggunaan bahasa ini boleh dianggap sebagai alat untuk memperkukuhkan identiti keluarga dalam masyarakat yang semakin global ini.

Pengaruh Generasi terhadap Pilihan Bahasa

Dapatan juga menunjukkan pengaruh generasi terhadap pilihan bahasa, terutamanya dalam hubungan dengan pasangan dan adik-beradik. Dalam komunikasi dengan suami/isteri, lebih separuh responden memilih bahasa Mandarin (48.5%), namun dialek Hokkien, Hakka, atau Kantonis menjadi pilihan hampir sama pentingnya (45.5%). Keberadaan dialek ini menunjukkan bahawa dalam kalangan pasangan yang mungkin datang dari latar belakang etnik yang berbeza, terdapat usaha untuk mempertahankan kelestarian dialek tradisional dalam konteks kekeluargaan. Peningkatan penggunaan dialek ini mungkin berhubung rapat dengan hubungan lebih intim antara pasangan yang berkongsi latar belakang yang sama, iaitu dialek menjadi lambang keakraban dan keterikatan budaya. Sebaliknya, penggunaan bahasa Inggeris (2.0%) dalam perbualan dengan suami/isteri adalah sangat terhad dan hanya digunakan dalam konteks yang lebih formal atau jika pasangan tersebut berlatar belakang lebih moden atau campuran.

Peranan Bahasa dalam Konteks Sosial yang Lebih Luas

Satu lagi tema yang muncul daripada dapatan adalah peranan bahasa dalam konteks sosial yang lebih luas, terutamanya dalam interaksi dengan sanak saudara dan adik-beradik. Dalam perbualan dengan adik-beradik, 72.0% responden memilih bahasa Mandarin, sementara 27.0% memilih dialek, dan hanya 1.0% memilih bahasa Inggeris yang mencerminkan dominasi bahasa Mandarin dalam interaksi harian dalam kalangan ahli keluarga yang lebih muda. Pada masa yang sama, nilai penghormatan dan keterikatan terhadap ibu bapa atau generasi yang lebih tua ditunjukkan melalui dapatan ini. Dalam

hubungan dengan sanak saudara, penggunaan bahasa Mandarin mencapai 81.0%, dengan hanya sedikit penggunaan dialek Hokkien dan Kantonis (18.0%) dan bahasa Inggeris (1.0%). Dapatan ini mengesahkan bahawa bahasa Mandarin berperanan sebagai lingua franca dalam kalangan ahli keluarga besar yang memudahkan komunikasi dan penyatuan semasa pertemuan sosial. Situasi ini mungkin juga berkait rapat dengan pengaruh pendidikan dan proses urbanisasi, iaitu generasi muda lebih cenderung memilih bahasa yang lebih mudah diterima dalam persekitaran sosial yang lebih luas. Secara keseluruhannya, analisis tematik ini menonjolkan bahawa pemilihan bahasa dalam domain keluarga di kalangan komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara lebih banyak dipengaruhi oleh faktor budaya, keakraban hubungan kekeluargaan, dan perubahan sosial yang berlaku di dalam masyarakat. Bahasa Mandarin berfungsi sebagai pembawa nilai budaya dan sebagai alat penyatuan dalam keluarga, tetapi penggunaan dialek dan bahasa lain menunjukkan adanya dinamika dalam adaptasi sosial yang berlaku dalam kalangan generasi muda. Sementara itu, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu lebih marginal serta digunakan dalam konteks yang lebih terbatas atau formal. Analisis ini menggariskan bahawa meskipun pengaruh globalisasi semakin kuat, bahasa ibunda dan dialek masih mengekalkan kedudukannya yang penting dalam memelihara identiti budaya dalam keluarga.

Dapatan Pemilihan Bahasa Berdasarkan Domain Kejiranan

Domain kejiranan merujuk kepada konteks atau kawasan interaksi sosial berlaku di dalam komuniti atau kawasan tempat tinggal. Hal ini melibatkan hubungan antara jiran-jiran atau penduduk di kawasan yang sama. Domain kejiranan membabitkan perkara seperti perbualan santai, pertemuan sosial, atau aktiviti komuniti yang melibatkan penduduk yang tinggal dalam kawasan yang sama. Jadual 4 menunjukkan dapatan bagi pemilihan bahasa dalam domain kejiranan, iaitu ketika berinteraksi dengan rakan-rakan semasa beriadah, majlis kenduri, mesyuarat taman perumahan, sambutan hari jadi, dan gotong-royong taman perumahan, iaitu:

Jadual 4: Pemilihan Bahasa dalam Domain Kejiranan

Pemilihan bahasa dalam domain kejiranan	Bilangan	Peratus
Bahasa semasa berinteraksi dengan rakan-rakan ketika beriadah		
Bahasa Mandarin	168	84.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	8	4.0
Bahasa Melayu	24	12.0
Bahasa semasa berinteraksi dengan rakan-rakan di majlis kenduri		
Bahasa Mandarin	145	72.5
Bahasa Inggeris	4	2.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	45	22.5
Bahasa Melayu	6	3.0
Bahasa semasa berinteraksi dengan rakan-rakan semasa mesyuarat taman perumahan		
Bahasa Mandarin	128	64.0
Bahasa Inggeris	8	4.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	6	3.0
Bahasa Melayu	58	29.0
Bahasa semasa berinteraksi dengan rakan-rakan semasa majlis sambutan hari jadi		
Bahasa Mandarin	176	88.0
Bahasa Inggeris	2	1.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	6	3.0
Bahasa Melayu	16	8.0

Bahasa semasa berinteraksi dengan jiran semasa program gotong-royong taman perumahan		
Bahasa Mandarin	132	66.0
Bahasa Inggeris	4	2.0
Bahasa Melayu	40	20.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	24	12.0

Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 168 orang (84.0%) responden memilih bahasa Mandarin semasa berinteraksi dengan rakan-rakan ketika beriadah, diikuti dengan bahasa Melayu seramai 24 orang (12.0%) dan dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) seramai 8 orang (4.0%). Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden menggunakan bahasa Mandarin untuk berkomunikasi ketika beriadah bersama rakan-rakan. Seterusnya, bagi bahasa semasa berinteraksi dengan rakan-rakan ketika di majlis kenduri, dapatan menunjukkan bahawa bahasa Mandarin menjadi pilihan utama responden, iaitu seramai 145 orang (72.5%) menggunakannya dan diikuti dengan dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis), iaitu seramai 45 orang (22.5%). Terdapat 6 orang (3.0%) responden menggunakan bahasa Melayu dan baki 4 orang (2.0%) lagi menggunakan bahasa Inggeris.

Bagi tujuan berkomunikasi, bahasa semasa berinteraksi dengan rakan-rakan ketika bermesyuarat di taman perumahan, dapatan menunjukkan bahawa bahasa Mandarin menjadi bahasa pilihan responden, iaitu berjumlah seramai 128 orang (64.0%). Responden lain pula memilih bahasa Melayu iaitu seramai 58 orang (29.0%), bahasa Inggeris seramai 8 orang (4.0%) dan dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) seramai 6 orang (3.0%). Bagi bahasa semasa berinteraksi dengan rakan-rakan ketika majlis sambutan hari jadi pula, dapatan menunjukkan bahawa bahasa Mandarin menjadi bahasa pilihan responden, iaitu 176 orang (88.0%), dan diikuti dengan bahasa Melayu seramai 16 orang (8.0%). Responden lain pula iaitu 6 orang (3.0%) lebih memilih dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) dan baki 2 orang (1.0%) lagi memilih bahasa Inggeris.

Pemilihan bahasa dalam domain kejiranan yang seterusnya ialah dalam konteks komunikasi semasa program gotong-royong taman perumahan. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden memilih bahasa Mandarin sebagai bahasa untuk berkomunikasi sesama mereka, iaitu seramai 132 orang (66.0%) dan diikuti dengan bahasa Melayu seramai 40 orang (20.0%). Responden lain, iaitu seramai 24 orang (12.0%) menggunakan dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) dan selebihnya 4 orang (2.0%) menggunakan bahasa Inggeris. Berikut adalah huraian analisis tematik bagi pemilihan bahasa berdasarkan domain kejiranan yang disusun dalam format perenggan, iaitu:

Pemilihan Bahasa Semasa Beriadah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 168 orang (84.0%) responden lebih memilih bahasa Mandarin semasa berinteraksi dengan rakan-rakan ketika beriadah. Bahasa Melayu menjadi pilihan seramai 24 orang (12.0%), manakala dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) dipilih oleh 8 orang (4.0%) dan menunjukkan bahawa majoriti responden menggunakan bahasa Mandarin untuk berkomunikasi semasa beriadah bersama rakan-rakan. Pemilihan bahasa ini mungkin dipengaruhi oleh latar belakang etnik dan kebiasaan budaya dalam komuniti tersebut, di mana bahasa Mandarin menjadi dominan dalam interaksi sosial yang lebih santai.

Pemilihan Bahasa Semasa Majlis Kenduri

Bagi interaksi dalam majlis kenduri, bahasa Mandarin tetap menjadi pilihan utama dengan 145 orang (72.5%) responden menggunakannya. Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) dipilih oleh 45 orang (22.5%), sementara 6 orang (3.0%) memilih bahasa Melayu dan 4 orang (2.0%) memilih bahasa Inggeris. Situasi ini menunjukkan bahawa dalam majlis kenduri, bahasa Mandarin bukan sahaja digunakan oleh responden yang beretnik Cina, tetapi juga menjadi pilihan utama dalam kalangan komuniti yang lebih

pelbagai. Dominasi bahasa Mandarin dalam majlis kenduri menggambarkan peranan bahasa ini dalam acara-acara sosial yang lebih peribadi.

Pemilihan Bahasa Semasa Mesyuarat Taman Perumahan

Semasa mesyuarat taman perumahan, bahasa Mandarin juga menjadi pilihan utama, dipilih oleh 128 orang (64.0%) responden dan diikuti dengan bahasa Melayu yang digunakan oleh 58 orang (29.0%), bahasa Inggeris seramai 8 orang (4.0%), dan dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) oleh 6 orang (3.0%). Pilihan bahasa ini menunjukkan bahawa mesyuarat yang melibatkan penduduk dari pelbagai latar belakang etnik tetap didominasi oleh bahasa Mandarin, tetapi penggunaan bahasa Melayu juga ketara, terutamanya apabila penduduk Melayu turut terlibat dalam aktiviti komuniti tersebut.

Pemilihan Bahasa Semasa Majlis Sambutan Hari Jadi

Bagi majlis sambutan hari jadi, bahasa Mandarin menjadi pilihan utama dengan 176 orang (88.0%) responden memilihnya dan diikuti oleh bahasa Melayu yang dipilih oleh 16 orang (8.0%) dan dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) oleh 6 orang (3.0%). Hanya 2 orang (1.0%) yang memilih bahasa Inggeris. Dapatan ini menunjukkan bahawa dalam acara sosial yang lebih santai seperti sambutan hari jadi, bahasa Mandarin digunakan secara meluas, mengatasi bahasa Melayu dan dialek tempatan.

Pemilihan Bahasa Semasa Program Gotong-Royong

Dalam konteks program gotong-royong taman perumahan, bahasa Mandarin juga mendominasi apabila dipilih oleh 132 orang (66.0%) responden. Bahasa Melayu digunakan oleh 40 orang (20.0%) manakala dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) dipilih oleh 24 orang (12.0%). Hal ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti komuniti seperti gotong-royong, bahasa Mandarin tetap menjadi pilihan utama semasa berkomunikasi dalam kalangan penduduk yang lebih ramai beretnik Cina. Dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa bahasa Mandarin mendominasi dalam hampir semua situasi sosial yang dikaji dalam domain kejiranan. Hal ini menunjukkan pengaruh kuat bahasa Mandarin dalam interaksi sosial dalam komuniti tersebut. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu tetap digunakan dalam beberapa situasi, menunjukkan bahawa bahasa ini masih relevan, terutamanya dalam aktiviti yang melibatkan komuniti Melayu. Pemilihan bahasa dalam domain kejiranan ini memberikan gambaran tentang penggunaan bahasa dalam interaksi sosial dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai, iaitu faktor etnik, budaya, dan konteks sosial memainkan peranan penting dalam menentukan bahasa yang digunakan.

Dapatan Pemilihan Bahasa Berdasarkan Domain Jual Beli

Domain jual beli pula merujuk kepada lingkungan atau situasi di mana transaksi jualan dan pembelian berlaku. Hal ini termasuklah interaksi komunikasi antara penjual dan pembeli, perbincangan tentang harga, kualiti produk, syarat-syarat jual beli, dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengan proses jualan dan pembelian. Dalam konteks ini, bahasa yang digunakan untuk berbual, berunding, dan berinteraksi dalam aktiviti jual beli adalah menjadi aspek penting dalam menentukan kejayaan transaksi.

Dalam domain jual beli, bahasa yang menjadi pilihan untuk digunakan semasa berada di pusat membeli belah adalah bahasa Inggeris iaitu seramai 66 orang (33.0%) responden, diikuti bahasa Mandarin iaitu 61 orang (30.5%), bahasa Melayu seramai 51 orang (25.5%), dan dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) iaitu 22 orang (11.0%). Seterusnya, dapatan turut menunjukkan pilihan bahasa responden ketika membeli barangan basah di pasar tani seperti ikan, ayam dan sayur-sayuran. Bahasa Mandarin menjadi bahasa pilihan utama dalam kalangan responden, iaitu seramai 88 orang (44.0%), diikuti dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) seramai 64 orang (32.0%), dan bahasa Melayu menjadi bahasa pilihan ketiga, iaitu seramai 48 orang (24.0%) sahaja. Jadual 5 menunjukkan dapatan bagi pemilihan bahasa dalam domain jual beli.

Jadual 5: Pemilihan Bahasa dalam Domain Jual Beli

Pemilihan bahasa dalam domain jual beli	Bilangan	Peratus
Bahasa pilihan semasa berada di pusat beli belah		
Bahasa Mandarin	61	30.5
Bahasa Inggeris	66	33.0
Bahasa Melayu	51	25.5
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	22	11.0
Bahasa pilihan semasa berada di pasar tani		
Bahasa Mandarin	88	44.0
Bahasa Melayu	48	24.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	64	32.0
Bahasa pilihan semasa membeli barang di kedai berbangsa Melayu		
Bahasa Inggeris	6	3.0
Bahasa Melayu	194	97.0
Bahasa pilihan semasa membeli barang di kedai berbangsa India		
Bahasa Inggeris	61	30.5
Bahasa Melayu	139	69.5
Bahasa pilihan semasa membeli barang di kedai berbangsa Cina		
Bahasa Mandarin	136	68.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	64	32.0

Dapatan ini juga memperlihatkan majoriti responden menggunakan bahasa Melayu ketika membeli barang di kedai pemilik berbangsa Melayu, iaitu seramai 194 orang (97.0%) dan baki 6 orang (3.0%) menggunakan bahasa Inggeris. Begitu juga halnya ketika membeli barang di kedai pemilik berbangsa India, bahasa Melayu menjadi pilihan utama responden sebagai bahasa komunikasi semasa membeli barang, iaitu seramai 139 orang (69.5%) dan selebihnya 61 orang (30.5%) lagi menggunakan bahasa Inggeris. Jika membeli barang di kedai pemilik berbangsa Cina pula, mereka akan menggunakan bahasa Mandarin atau dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis). Seramai 136 orang (68.0%) menggunakan bahasa Mandarin dan 64 orang (32.0%) menggunakan dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis). Penggunaan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris akan dielakkan dalam kalangan masyarakat Cina di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat ketika membeli barang di kedai pemilik berbangsa sama dengan mereka.

Huraian analisis tematik bagi Pemilihan Bahasa Berdasarkan Domain Jual Beli menyoroti pola pemilihan bahasa dalam konteks transaksi jual beli yang berlaku dalam pelbagai persekitaran sosial seperti pusat membeli-belah, pasar tani, dan kedai milik peniaga dari latar belakang etnik yang berbeza. Analisis ini menggariskan bagaimana pilihan bahasa bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor keperluan komunikasi, tetapi juga oleh identiti etnik dan konteks sosial yang melibatkan pembeli dan penjual, iaitu:

Pemilihan Bahasa di Pusat Membeli-belah

Di pusat membeli-belah, pemilihan bahasa utama yang digunakan oleh responden adalah bahasa Inggeris (33.0%), diikuti oleh bahasa Mandarin (30.5%), bahasa Melayu (25.5%), dan dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) (11.0%). Bahasa Inggeris muncul sebagai pilihan utama dalam transaksi ini, berkemungkinan disebabkan oleh sifat pusat membeli-belah yang bersifat lebih antarabangsa dan kosmopolitan, di mana bahasa Inggeris menjadi lingua franca untuk interaksi yang melibatkan pelbagai etnik dan lapisan masyarakat. Peniaga yang beroperasi di pusat membeli-belah mungkin lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris untuk melayani pelanggan dari pelbagai latar belakang, memperlihatkan adaptasi terhadap globalisasi dan modernisasi dalam perdagangan. Di samping itu, bahasa Mandarin yang digunakan oleh 30.5% responden turut mencerminkan dominasi masyarakat Cina di kawasan ini, di mana Mandarin berfungsi sebagai bahasa utama dalam kehidupan seharian

mereka, terutamanya di kawasan yang mempunyai banyak penduduk Cina. Kehadiran bahasa Melayu sebagai pilihan ketiga dalam konteks ini (25.5%) pula menunjukkan penerimaan luas bahasa kebangsaan, terutamanya dalam interaksi antara pembeli dan penjual yang berasal dari latar belakang etnik yang berbeza.

Pemilihan Bahasa di Pasar Tani

Beralih ke pasar tani, yang melibatkan transaksi membeli barang basah seperti ikan, ayam, dan sayur-sayuran, bahasa Mandarin menjadi pilihan utama (44.0%), diikuti oleh dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis) (32.0%) dan bahasa Melayu (24.0%). Hal ini menunjukkan pengaruh budaya Cina yang kuat dalam transaksi harian, terutamanya dalam kawasan di mana pasar tani banyak dikunjungi oleh masyarakat Cina. Bahasa Mandarin adalah bahasa utama yang digunakan oleh pembeli Cina untuk berinteraksi dengan peniaga, di mana dialek tempatan seperti Hokkien atau Hakka menjadi pilihan dalam kalangan mereka yang lebih tua atau mereka yang lebih suka menggunakan bahasa ibunda mereka. Namun, bahasa Melayu tetap digunakan, terutamanya dalam interaksi dengan pembeli dari latar belakang yang berbeza, yang menggambarkan adaptasi kepada realiti sosial yang lebih pelbagai.

Pemilihan Bahasa di Kedai Mengikut Etnik Pemilik

Apabila melihat kepada kedai pemilik berbangsa Melayu, terdapat dominasi penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama transaksi. Sebanyak 97.0% responden memilih untuk menggunakan bahasa Melayu semasa membeli barang, manakala hanya 3.0% yang menggunakan bahasa Inggeris. Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi pilihan utama dalam kalangan masyarakat Melayu, tetapi ia juga mencerminkan identiti kebangsaan yang kuat, di mana bahasa ini berfungsi sebagai alat penyatuan dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Di kedai berbangsa India, bahasa Melayu juga digunakan secara meluas, dengan 69.5% responden memilihnya, sementara 30.5% memilih bahasa Inggeris. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh interaksi sosial yang lebih harmonis antara komuniti India dan Melayu di Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam kehidupan seharian. Bagi kedai pemilik berbangsa Cina, bahasa Mandarin dan dialek tempatan seperti Hokkien, Hakka, atau Kantonis menjadi pilihan utama dalam interaksi. Pada masa yang sama, 68.0% responden memilih bahasa Mandarin, manakala 32.0% memilih dialek. Hal ini mencerminkan keutamaan bahasa Cina dalam kalangan komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, di mana penggunaan bahasa Melayu atau Inggeris dielakkan kerana bahasa ibunda dan dialek tempatan dianggap lebih dekat dengan identiti budaya mereka.

Secara keseluruhannya, dapatan analisis tematik ini menggambarkan hubungan rapat antara bahasa dan etnik dalam domain jual beli. Bahasa Mandarin mendominasi dalam situasi membeli barang di pasar tani dan kedai pemilik berbangsa Cina, sementara bahasa Melayu menjadi pilihan utama dalam kedai pemilik berbangsa Melayu dan India dengan bahasa Inggeris lebih banyak digunakan di pusat membeli-belah, yang mencerminkan globalisasi dan kepelbagaian etnik dalam masyarakat Malaysia. Pemilihan bahasa dalam transaksi jual beli bukan sahaja mencerminkan keperluan komunikasi, tetapi juga berfungsi sebagai simbol identiti budaya dan hubungan etnik dalam konteks masyarakat yang multikultural. Keputusan ini menunjukkan bahawa dalam konteks Malaysia, bahasa memainkan peranan penting dalam membentuk identiti sosial dan menyemarakkan hubungan sosial antara individu yang berlainan latar belakang budaya dan etnik.

Pandangan Responden Terhadap Satu Bahasa Tertentu

Dapatan kajian menunjukkan pandangan yang pelbagai mengenai bahasa dalam kalangan komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang. Kajian ini meneliti pandangan responden terhadap pelbagai bahasa, termasuk bahasa yang dianggap berprestij, yang melambangkan identiti bangsa, yang memberikan rasa bangga ketika digunakan, dan yang paling membantu dalam bidang

pekerjaan. Pertama, kajian mendapati bahawa bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa yang paling berprestij oleh majoriti responden, iaitu 124 orang (62.0%), diikuti oleh bahasa Mandarin (19.5%) dan bahasa Melayu (18.5%). Pengiktirafan tinggi terhadap bahasa Inggeris ini menunjukkan pandangan umum bahawa bahasa ini berkait rapat dengan status sosial dan peluang global, terutamanya dalam pendidikan dan pekerjaan. Dalam satu interaksi semasa program komuniti, seorang responden lelaki berusia 30-an menyatakan, *"Kalau kerja pejabat, kena pandai English. Interview pun kalau cakap Mandarin je, susah sikit mau dapat."* Kenyataan ini mencerminkan persepsi kuat terhadap nilai pasaran bahasa Inggeris.

Seterusnya, bagi bahasa yang melambangkan identiti bangsa, dapatan menunjukkan bahawa bahasa Melayu dianggap sebagai simbol paling penting bagi identiti bangsa, dengan 130 orang (65.0%) memilihnya. Situasi ini menggambarkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan penghubung utama dalam kehidupan sosial, budaya, dan politik negara. Sebaliknya, bahasa Mandarin yang dipilih oleh 54 orang (27.0%) menunjukkan bahawa walaupun bahasa tersebut penting dalam kalangan komuniti Cina, ia tidak mencapai status yang sama dengan bahasa Melayu dalam konteks identiti kebangsaan Malaysia. Dialek tempatan seperti Hokkien, Hakka, dan Kantonis hanya dipilih oleh 6 orang (3.0%), menunjukkan bahawa mereka lebih dilihat sebagai sebahagian daripada identiti etnik tertentu, bukan identiti kebangsaan. Seorang peserta wanita berumur 50-an yang dijumpai di pasar awam menyatakan, *"Kita Cina memang masih cakap Hokkien dengan orang tua. Tapi kalau kat sekolah atau urusan kerajaan, mesti pakai BM."* Hal ini menggambarkan batas domain penggunaan antara dialek dan bahasa kebangsaan.

Bagi soalan tentang bahasa yang membuatkan responden berasa bangga apabila menggunakannya, bahasa Mandarin menduduki tempat teratas, dengan 63 orang (31.5%) memilihnya. Ini mungkin berkaitan dengan kebanggaan etnik dan hubungan dengan budaya Cina yang mendalam. Diikuti dengan bahasa Inggeris (28.0%) dan bahasa Melayu (25.5%), menunjukkan bahawa bahasa yang berhubungan dengan status sosial atau kemahiran komunikasi global memberikan kebanggaan tersendiri. Dialek tempatan (Hokkien, Hakka, Kantonis) mendapat peratusan yang lebih rendah (15.0%), mencerminkan bahawa kebanggaan menggunakan bahasa ini lebih terhad kepada kalangan tertentu dalam komuniti. Dalam pertemuan pengkaji dengan seorang responden lelaki berumur 40-an di tempat kerjanya, beliau menyatakan dengan bangga, *"Saya boleh cakap Mandarin fasih, itu penting sebab ini bahasa nenek moyang saya"* Ucapan ini memperlihatkan rasa bangga responden terhadap bahasa ibudanya.

Dalam aspek kepraktisan, bahasa Inggeris dilihat sebagai yang paling membantu dalam bidang pekerjaan, dengan 148 orang (74.0%) memilihnya. Hal ini mencerminkan realiti pasaran kerja yang semakin global dan memerlukan kemahiran berbahasa Inggeris untuk memenuhi tuntutan pekerjaan yang lebih luas, terutamanya di sektor-sektor tertentu. Bahasa Mandarin, yang dipilih oleh 24 orang (12.0%), turut penting dalam konteks pekerjaan, terutama dalam sektor-sektor yang berhubungan dengan ekonomi Cina dan perniagaan antarabangsa. Bahasa Melayu (11.0%) dan dialek tempatan (3.0%) pula kurang dianggap sebagai bahasa yang memberi kelebihan dalam pekerjaan berbanding bahasa Inggeris dan Mandarin, mungkin disebabkan keperluan bahasa tersebut yang lebih terbatas pada konteks tempatan dan pekerjaan yang lebih spesifik. Seorang responden lelaki awal 30-an dalam sesi temubual menyatakan, *"Saya kerja sales, kalau pelanggan Melayu, saya guna BM. Tapi kalau boss atau HQ tanya, mesti guna English."* Petikan ini memperlihatkan fleksibiliti linguistik berdasarkan hierarki sosial dan keperluan kerjaya.

Jadual 6: Pandangan Terhadap Bahasa Tertentu

Sikap Terhadap Bahasa	Bilangan	Peratus
Bahasa yang paling berprestij		
Bahasa Melayu	37	18.5
Bahasa Inggeris	124	62.0
Bahasa Mandarin	39	19.5
Bahasa yang paling melambangkan identiti bangsa		
Bahasa Melayu	130	65.0
Bahasa Inggeris	10	5.0
Bahasa Mandarin	54	27.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	6	3.0
Bahasa yang membuatkan berasa bangga apabila menggunakannya		
Bahasa Melayu	51	25.5
Bahasa Inggeris	56	28.0
Bahasa Mandarin	63	31.5
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	30	15.0
Bahasa yang paling membantu dalam bidang pekerjaan		
Bahasa Melayu	22	11.0
Bahasa Inggeris	148	74.0
Bahasa Mandarin	24	12.0
Dialek (Hokkien, Hakka, Kantonis)	6	3.0

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa bahasa Inggeris diiktiraf sebagai bahasa yang prestij dan memberi kelebihan dalam bidang pekerjaan, manakala bahasa Melayu tetap menjadi lambang identiti kebangsaan yang penting dalam konteks sosial dan budaya negara. Bahasa Mandarin, walaupun tidak dianggap sebagai bahasa paling berprestij dalam masyarakat Malaysia secara keseluruhan, tetap dilihat sebagai bahasa yang membanggakan dalam kalangan komuniti Cina dan memainkan peranan penting dalam identiti etnik dan ekonomi. Kehadiran petikan-petikan responden ini mengukuhkan bahawa pemilihan bahasa adalah bersifat strategik, didorong oleh pelbagai pertimbangan sosial, ekonomi dan budaya.

Pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang menunjukkan hubungan yang kuat antara bahasa dan identiti budaya. Penggunaan bahasa Mandarin dan dialek seperti Hakka, Hokkien, dan Kantonis dalam domain kekeluargaan dan kejiwaan adalah bukti kuat bahawa komuniti ini menghargai dan berusaha mempertahankan warisan budaya mereka. Menurut Bourdieu (1991), bahasa bukan sahaja alat komunikasi, tetapi juga simbol kuasa dan status dalam masyarakat. Dalam konteks ini, bahasa Mandarin berfungsi sebagai simbol identiti etnik yang memperkukuh hubungan dalam kalangan ahli keluarga dan komuniti. Fishman (1999) pula menyatakan bahawa penggunaan bahasa dalam domain keluarga adalah sangat penting dalam mengekalkan jati diri etnik dan seiring dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Mandarin dan dialek-dialek Cina bukan sahaja untuk tujuan komunikasi, tetapi juga sebagai medium untuk mengekalkan budaya, tradisi, dan nilai-nilai komuniti tersebut. Heller (2007) juga menekankan bahawa bahasa memainkan peranan utama dalam membentuk identiti sosial dalam masyarakat berbilang etnik.

Dalam domain pekerjaan dan sosial, pemilihan bahasa menjadi lebih pragmatik. Gumperz (1982) dalam kajiannya tentang komunikasi dua bahasa (*bilingualism*) menyatakan bahawa individu akan memilih bahasa yang dianggap paling sesuai berdasarkan konteks sosial dan tujuan komunikasi. Dalam kajian ini, bahasa Inggeris dipilih sebagai bahasa yang memberi peluang untuk berjaya dalam dunia pekerjaan yang lebih luas dan global. Clyne (2003) menjelaskan bahawa kecekapan dalam bahasa Inggeris sangat penting dalam masyarakat yang bersifat global, kerana ia memberi kelebihan dalam

dunia pekerjaan dan hubungan antarabangsa. Walaupun bahasa Inggeris dianggap penting untuk prestij pekerjaan, bahasa Melayu tetap berperanan dalam membina hubungan sosial dalam komuniti yang lebih luas, seperti yang dilihat dalam domain jual beli. Trudgill (2000) menyatakan bahawa dalam perbualan seharian, individu akan menggunakan bahasa yang lebih bertepatan dengan status sosial dan hubungan antara pihak yang terlibat. Dalam kajian ini, penggunaan bahasa Melayu dalam transaksi jual beli dengan kaum Melayu dan India adalah contoh bagaimana bahasa dipilih berdasarkan konteks sosial. Pandangan bahawa bahasa Melayu merupakan simbol kesatuan negara Malaysia adalah sejajar dengan Anderson (1991) yang menyatakan bahawa bahasa memainkan peranan penting dalam pembentukan komuniti bangsa dan identiti negara. Dalam konteks komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa negara yang memperkuat keharmonian dan perpaduan bangsa Malaysia. Ini juga bertepatan dengan pendapat Zhang (2009), yang berpendapat bahawa bahasa negara berperanan untuk menyatukan rakyat dalam sebuah negara berbilang etnik dan kaum.

Pemilihan bahasa dalam komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara adalah fenomena yang kompleks, yang dipengaruhi oleh faktor budaya, identiti etnik, serta keperluan pragmatik dalam dunia sosial dan pekerjaan. Menurut Gumperz (1982) dan Clyne (2003), penggunaan bahasa boleh berubah mengikut konteks dan tujuan sosial, dengan bahasa Mandarin dan dialek Cina memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti budaya dalam domain keluarga dan kejiwaan. Pada masa yang sama, bahasa Inggeris dan Melayu digunakan untuk tujuan pendidikan, pekerjaan, dan integrasi sosial dalam masyarakat yang berbilang kaum. Bourdieu (1991) dan Fishman (1999) turut bersetuju bahawa bahasa bukan sahaja alat komunikasi, tetapi juga lambang status dan kekuatan sosial yang dapat membuka peluang dalam dunia moden yang lebih kompetitif.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan terhadap komuniti Cina di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang, dapat disimpulkan bahawa pilihan bahasa dalam kalangan responden sangat dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk jati diri budaya, persekitaran sosial, dan keperluan praktikal dalam kehidupan seharian. Kajian ini menunjukkan bahawa bahasa Mandarin dan dialek-dialek seperti Hakka, Hokkien, dan Kantonis adalah bahasa utama yang digunakan dalam domain kekeluargaan dan kejiwaan, yang mencerminkan kepentingan dan nilai budaya mereka dalam mengekalkan warisan linguistik mereka. Penggunaan bahasa ini bukan sahaja melambangkan ikatan kekeluargaan, tetapi juga sebagai satu bentuk identiti etnik yang kuat dalam komuniti tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendapati bahawa bahasa Melayu, meskipun tidak menjadi bahasa dominan dalam domain kekeluargaan dan kejiwaan, tetap digunakan dalam beberapa konteks tertentu, seperti dalam interaksi sosial yang melibatkan pelbagai kaum atau dalam perbincangan mesyuarat komuniti. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu masih diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan yang penting dalam usaha mewujudkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat majmuk Malaysia. Dalam bidang pekerjaan, bahasa Inggeris diiktiraf sebagai bahasa yang mempunyai prestij tinggi dan dianggap penting untuk kemajuan kerjaya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden menyedari kepentingan bahasa Inggeris dalam dunia pekerjaan dan peluang ekonomi yang lebih luas, walaupun beberapa responden mengakui kesukaran dalam menguasai bahasa tersebut dengan baik. Ini mencerminkan pengiktirafan terhadap kepentingan bahasa global dalam era globalisasi yang semakin mendalam. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa pilihan bahasa dalam kalangan komuniti Cina di kawasan kajian adalah satu fenomena yang kompleks, yang dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial, budaya, dan praktikal. Meskipun bahasa Mandarin dan dialek etnik mendominasi dalam banyak aspek kehidupan harian mereka, terdapat pengiktirafan terhadap peranan bahasa Melayu dan Inggeris dalam konteks yang lebih luas, khususnya dalam usaha untuk memelihara perpaduan bangsa Malaysia dan bersaing dalam dunia pekerjaan global. Keragaman penggunaan bahasa ini juga mencerminkan

keupayaan komuniti Cina untuk mengekalkan identiti budaya mereka sambil beradaptasi dengan perubahan sosial dan ekonomi di Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini merupakan satu kajian perintis yang berkaitan dengan pilihan bahasa. Kajian ini disokong oleh Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2023/SS109/USM/02/2), Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia

Rujukan

- Anderson, B. (1991). *Imagined communities: Reflections on the origin and spread of nationalism*. Verso.
- Amirul Mukminin Mohamad, Sofia Ayup, Noorhazila Mohamad Hamid, & Zuraini Mohaidin. (2023). Bahasa kebangsaan dalam situasi komunikasi harian: Kajian tinjauan terhadap pelajar Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 34(2), 81–101. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol34no2.6>
- Bourdieu, P. (1991). *Language and symbolic power* (G. Raymond & M. Adamson, Trans.). Harvard University Press.
- Braddell, T. (1861). *Statistics of the British possessions in the Straits of Malacca*. Penang Gazette Printing Office.
- Cai, P. (2002). *Discussion on the Consul in Singapore in the Qing Dynasty, 1877–1911* (Vol. 5). National University of Singapore.
- Clyne, M. (2003). *Dynamics of language contact: English and immigrant languages*. Cambridge University Press.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach* (4th ed.). Sage Publications.
- Fairclough, N. (1989). *Language and power*. Longman.
- Fishman, J. A. (1967). Bilingualism with and without diglossia: Diglossia with and without bilingualism. *Journal of Social Issues*, 23(2), 29–38. <https://doi.org/10.1111/j.1540-4560.1967.tb00573.x>
- Fishman, J. A. (1972a). *Language in sociocultural change*. Stanford University Press.
- Fishman, J. A. (1972b). Domains and the relationship between micro- and macrosociolinguistics. In J. Gumperz & D. Hymes (Eds.), *Directions in sociolinguistics: The ethnography of communication* (pp. 435–453). Holt, Rinehart & Winston.
- Fishman, J. A. (1972c). *The sociology of language: An interdisciplinary social science approach to language in society*. Newbury House.
- Fishman, J. A. (1999). The sociology of language and ethnicity. In M. H. B. Lindgren & T. H. Erling (Eds.), *Bilingualism and national identity* (pp. 17–34). Multilingual Matters.

- Fishman, J. A. (2001). *Can threatened languages be saved?* Multilingual Matters.
- Garcia, O., & Wei, L. (2014). *Translanguaging: Language, bilingualism and education*. Palgrave Macmillan.
- Gumperz, J. J. (1982). *Discourse strategies*. Cambridge University Press.
- Hassan, O. (2014, November 18). SJK perlu pertingkat program pembelajaran bahasa Melayu. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2014/11/17073/sjk-perlu-pertingkat-program-pembelajaran-bahasa-melayu>
- Heller, M. (2007). *Bilingualism: A social approach*. Palgrave Macmillan.
- Holmes, J. (2013). *An introduction to sociolinguistics* (4th ed.). Pearson Education Limited.
- Hoh, S. K. (2011). *Sikap dan pemilihan bahasa kaum Cina di Malaysia* [Unpublished master's thesis]. Universiti Malaya.
- Kong, L. F. (1999). *Pemilihan bahasa di kalangan peniaga Cina dalam domain jual beli: Kajian di Kampung Sungai Durin, Sibu, Sarawak* [Unpublished master's thesis]. Universiti Malaya.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Labov, W. (1972). *Sociolinguistic patterns*. University of Pennsylvania Press.
- Mohammed Azlan Mis, & Nur Syafiqah. (2022). Pemilihan bahasa dalam situasi rasmi di pejabat kerajaan. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 22(3), 213–235.
- Norfaizal Jamain, Akhmad Mansur, & Rohaidah Haron. (2023). Penguasaan bahasa Melayu pelajar asing di Universiti Malaya: Analisis faktor jantina dan tahap pengajian. *Jurnal Pengajian Melayu*, 34(2), 47–64. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol34no2.4>
- Ooi, K. G. (2015). Disparate identities: Penang from a historical perspective, 1780–1941. *Kajian Malaysia*, 33(Suppl.2), 27–52.
- Pennycook, A. (2010). *Language as a local practice*. Routledge.
- Purcell, V. (1960). *The Chinese in modern Malaya*. Eastern Universities Press Ltd.
- Sharin, S. R. (2005). *Language as a salient identity marker of ethnicity* [Unpublished master's thesis]. Universiti Malaya.
- Simren, K. (2011, Ogos 4). Orang Cina kembali jadi majoriti di Pulau Pinang. *Mstar*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2011/08/04/orang-cina-kini-kembali-jadi-majoriti-di-pulau-pinang>
- Tan, K. H. (2007). *The Chinese in Penang: A pictorial history*. Areca Books.

Teioh, H. S., & Aiza Maslan @ Baharudin. (2022). Persatuan dan fungsi dalam masyarakat Cina di Pulau Pinang pada abad ke-18 sehingga awal abad ke-20. *Jurnal Perspektif*, 14(1), 1–15.

Trudgill, P. (2000). *Sociolinguistics: An introduction to language and society* (4th ed.). Penguin Books.

Zhang, Q. (2009). *Language and national identity in Asia: A sociolinguistic perspective*. Multilingual Matters.